

Terma dan Syarat

Promosi Dugro® Kem Badminton Jadi Lebih Lagi Bersama Nur Izzuddin.

1. Promosi Dugro® “Kem Badminton Jadi Lebih Lagi Bersama Nur Izzuddin” (**“Promosi”**) dianjurkan oleh Danone Specialized Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd. (**“Penganjur”**). Dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Promosi ini, anda (**“Peserta”**) bersetuju:
 - (a) untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini (**“Terma dan Syarat”**);
 - (b) kepada pemprosesan Data Peribadi anda selaras dengan Terma dan Syarat ini serta notis privasi yang boleh didapati di pautan berikut:
<https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> ; dan
 - (c) bahawa semua perkara yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat semua peserta Promosi ini, dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
2. Promosi ini sah bermula dari **1 Ogos 2026 hingga 30 September 2026** (**“Tempoh Promosi”**). Bukti Pembelian hanya boleh digunakan **sekali sahaja**. Sebarang penyertaan yang diterima lewat atau penyertaan yang disertakan dengan Bukti Pembelian yang bertarikh di luar Tempoh Promosi yang dinyatakan tidak akan diterima. Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Promosi pada bila-bila masa dengan memberikan notis melalui laman web <https://www.dugro.com.my> atau melalui kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur.
3. Tarikh Tutup Penyertaan Promosi :

Semua penyertaan mestilah diterima oleh Penganjur selewat-lewatnya pada **jam 11:59:59 malam, 30 September 2026**. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.

Bagi penyertaan untuk **Hadiah Mingguan**, Penganjur hendaklah menerima penyertaan selewat-lewatnya pada **jam 11:59:59 malam pada tarikh terakhir bagi setiap Minggu Promosi** seperti yang dinyatakan di bawah:

Jadual Minggu Promosi

- **Minggu 1:** 01 Ogos 2026 – 09 Ogos 2026
- **Minggu 2:** 10 Ogos 2026 – 16 Ogos 2026
- **Minggu 3:** 17 Ogos 2026 – 23 Ogos 2026
- **Minggu 4:** 24 Ogos 2026 – 30 Ogos 2026
- **Minggu 5:** 31 Ogos 2026 – 06 September 2026
- **Minggu 6:** 07 September 2026 – 13 September 2026
- **Minggu 7:** 14 September 2026 – 20 September 2026
- **Minggu 8:** 21 September 2026 – 30 September 2026

Bagi penyertaan untuk **Hadiah Bulanan**, Penganjur hendaklah menerima penyertaan selewat-lewatnya pada **jam 11:59:59 malam pada tarikh terakhir bagi setiap Bulan Promosi** seperti yang dinyatakan di bawah:

Jadual Bulan Promosi

- **Bulan 1:** 01 Ogos 2026 – 31 Ogos 2026
- **Bulan 2:** 01 September 2026 – 30 September 2026

4. Promosi ini terbuka kepada peserta yang berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun 2026 serta menetap di Malaysia, dengan alamat yang sah di Malaysia atau Brunei.
5. Promosi ini hanya sah untuk pembelian produk Dugro® seperti berikut:
 - (a) Dugro® Step 3 Asli/Madu/Choc/Fruit & Vege (550g, 750g, 850g, 1.5kg)
 - (b) Dugro® Step 4 Asli/Madu/Choc/Fruit & Vege (550g, 700g, 750g, 850g, 1.5kg)
 - (c) Dugro® Step 5 Asli/Choc/Fruit & Vege (750g, 850g)

6. **Cara untuk menyertai:-**

- (a) Untuk menyertai Promosi ini, Peserta perlu membeli minimum **RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh)** bagi mana-mana produk **Dugro®** yang mengambil bahagian (“Produk”) dalam **satu (1) bukti pembelian** (“Bukti Pembelian”) daripada mana-mana kedai fizikal (“Outlet”) dan/atau mana-mana peniaga dalam talian yang mengambil bahagian (“Kedai Dalam Talian”) di Malaysia sepanjang Tempoh Promosi (“Syarat Pembelian Minimum”).

Bukti Pembelian daripada Outlet Fizikal:

- i. Bukti Pembelian mestilah dalam bentuk resit asal bercetak yang dikeluarkan melalui sistem tempat jualan (point-of-sale) mana-mana Outlet. Resit tersebut hendaklah memaparkan nama dan/atau logo Outlet tempat pembelian dibuat. Sekiranya maklumat tersebut tidak dipaparkan, Bukti Pembelian hendaklah dicop dengan cop rasmi dari Outlet di mana pembelian dilakukan.
- ii. Bukti Pembelian juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor resit serta nama dan/atau logo Outlet (“Butiran Resit”).

Bukti Pembelian Kedai Dalam Talian :

- i. Bukti Pembelian hendaklah di dalam bentuk tangkapan skrin invois bagi pembelian dalam talian yang dibuat melalui mana-mana Kedai Dalam Talian. Bukti Pembelian mesti memaparkan nama dan/atau logo Kedai Dalam Talian di mana pembelian tersebut dibuat. Bagi pembelian dalam talian yang menggunakan kod promosi, rebat, baucar diskaun, baucar penghantaran, dan/atau sebarang potongan lain, jumlah akhir yang dibayar bagi Produk mesti memenuhi atau melebihi Syarat Pembelian Minimum.
- ii. Bukti Pembelian juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, tarikh pembayaran, nombor pesanan dan/atau invois, serta nama dan/atau logo Kedai Dalam Talian (“Butiran Invois”).

- (b) **Imbas kod QR** yang tertera pada bahan komunikasi di Kedai atau Kedai Dalam Talian, atau hantarkan maklumat berikut melalui borang dalam talian di <https://dugro-kem-badminton-jadi-lebih-lagi-bersama-nur-izzuddin.mypromotions.my/> ;
- Gambar Bukti Pembelian yang jelas dan boleh dibaca, menunjukkan Butiran Resit atau Butiran Invois secara lengkap
 - Nama Penuh
 - Nombor MyKad/MyPR
 - Nombor Telefon (mudah Alih yang mempunyai WhatsApp)
 - Jawapan kepada Soalan Promosi ("**Penyertaan**").
- (c) **Setiap penyertaan yang sah**, lengkap dengan gambar resit yang diperlukan, memenuhi syarat pembelian, serta maklumat peribadi yang lengkap dan diterima serta diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Promosi akan disusun dan diserialkan di sistem pemprosesan dalaman bagi tujuan pemilihan pemenang ("**Penyertaan Layak**"). Bagi setiap **RM50.00** pembelian produk yang mengambil bahagian dalam satu (1) resit, **SATU (01) nombor siri** akan diperuntukkan kepada penyertaan tersebut, tertakluk kepada maksimum **SEPULUH (10) nombor siri** bagi satu (1) resit. Sebagai contoh:
- Satu (1) resit tunggal dengan pembelian Produk melebihi RM100.00 akan diberikan DUA (02) nombor siri.
 - Satu (1) resit tunggal dengan pembelian Produk melebihi RM250.00 akan diberikan LIMA (05) nombor siri.
 - Satu (1) resit Tunggal dengan pembelian Produk melebihi RM550.00 akan diberikan SEPULUH (10) nombor siri.
- (d) Sepanjang Tempoh Promosi, Penganjur hanya membenarkan maksimum **SEPULUH (10) nombor siri** diperuntukkan kepada setiap peserta, berdasarkan satu (1) nombor MyKad, tanpa mengira sama ada penyertaan tersebut diperoleh daripada satu (1) resit tunggal atau gabungan beberapa resit.
- (e) Peserta dibenarkan menghantar lebih daripada satu Penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan, dengan syarat setiap Penyertaan menggunakan Bukti Pembelian yang berbeza dan mematuhi Terma dan Syarat ini. Peserta hendaklah menyimpan Resit Asal atau Bukti Pembelian untuk tujuan pengesahan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang mengandungi Bukti Pembelian yang diduplikasi.
- (f) Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan dan pengesahan selanjutnya. Semua Penyertaan yang diterima adalah tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan dengan gambar/imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca atau tidak lengkap, Bukti Pembelian yang dicetak semula, Bukti Pembelian yang berulang, Penyertaan yang mengandungi lebih daripada satu Bukti Pembelian, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59, 30/09/2026) dan/atau Penyertaan yang telah diubah, dimodifikasi, atau dipalsukan dalam sebarang bentuk yang tidak memenuhi syarat Peraduan atas budi bicara mutlak tanpa sebarang notis.

- (g) Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak asal Bukti Pembelian seperti imej yang diterima dalam Penyertaan untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak asal Bukti Pembelian atas permintaan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan hak atas hadiah.

7. **Hadiah bagi Promosi Dugro® “Kem Badminton Jadi Lebih Lagi Bersama Nur Izzuddin” adalah seperti berikut:**

Hadiah Utama - Kem Badminton Eksklusif untuk Kanak-Kanak

50 x “Sesi Latihan Bersama Nur Izzuddin”

- Sesi latihan dan bimbingan selama satu (1) hari oleh Nur Izzuddin
- 9.00 pagi – 4.00 petang / 9 Disember 2026 (TBC)
- Jersi VICTOR x Dugro
- Kit Badminton VICTOR

Hadiah Bulanan

30 x Kit Badminton VICTOR bernilai RM597 setiap satu

(30 pemenang hadiah Bulanan x 2 bulan: jumlah keseluruhan 60 pemenang Hadiah Bulanan)

Hadiah Mingguan

30 x PIN Tambah Nilai eDompert Touch ‘n Go bernilai RM100 setiap satu

(30 pemenang Hadiah Mingguan x 8 minggu: jumlah keseluruhan 240 pemenang Hadiah Mingguan)

Setiap Peserta layak memenangi maksimum **TIGA (3) Hadiah** sahaja sepanjang Tempoh Promosi , yang terdiri daripada:

- Satu (1) Hadiah Utama , Satu (1) Hadiah Bulanan dan Satu (1) Hadiah Mingguan

8. **Kaedah Pemilihan Dan Penyenaraian Pendek Pemenang :**

A. Hadiah Utama : 50 x Kem Badminton Eksklusif untuk Kanak-Kanak

Terdapat lima puluh [50] hadiah Kem Badminton Eksklusif untuk Kanak-Kanak untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaraian pendek pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan satu nombor siri unik kepada setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan sepanjang Tempoh Promosi (masing-masing adalah “Penyertaan Layak” dan secara kolektifnya, “Penyertaan Layak”). Nombor siri akan diperuntukkan secara berurutan, bermula dengan nombor siri “1” bagi Penyertaan Layak pertama dan diteruskan secara menaik bagi setiap Penyertaan Layak berikutnya yang diterima sepanjang Tempoh Promosi.

Semua nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak akan ditabulasikan bagi menentukan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Promosi (“Jumlah Penyertaan Layak”). Bagi tujuan pemilihan pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek, Penganjur akan menggunakan formula pemilihan yang telah ditetapkan berdasarkan Jumlah Penyertaan Layak. Sebagai contoh untuk ilustrasi sahaja, seandainya Jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Promosi adalah sebanyak 9,500, maka pengiraan pemenang yang disenarai pendek adalah seperti berikut:

$$9,500 \div *50 = \underline{190*}$$

Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak dengan nombor siri ke-190* dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 190. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 190*, 380*, 570*, 760*, 950*, 1140* dan seterusnya.

Seramai **50 pemenang** akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

B. Hadiah Bulanan : 30 x Kit Badminton VICTOR

Terdapat tiga puluh [30] hadiah Kit Badminton VICTOR untuk dimenangi setiap Bulan selama dua [2] bulan berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat enam puluh [60] Hadiah Bulanan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaraian pendek pemenang Hadiah Bulanan, Penganjur akan memperuntukkan satu nombor siri unik kepada setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan sepanjang setiap Tempoh Bulan Promosi (masing-masing adalah “Penyertaan Layak Bulanan” dan secara kolektifnya, “Penyertaan Layak Bulanan”). Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak Bulanan bermula dari nombor siri “1”.

Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Bulanan akan dikumpulkan dan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak Bulanan [“Jumlah Penyertaan Layak Bulanan”]. Sekiranya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan yang diterima sepanjang **Tempoh Promosi Bulanan adalah sebanyak 4,838**, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

$$4838 \div *30 = \underline{161.26*}$$

Pemenang Hadiah Bulanan yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak Bulanan dengan nombor siri ke-161* dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 161. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 161*, 322*, 483*, 644*, 805*, 966*, 1127*, 1288*, 1449*, 1610* dan seterusnya.

Seramai **30 pemenang** akan dipilih setiap Tempoh Bulan Promosi.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

C. Hadiah Mingguan : 30 x PIN Tambah Nilai eDompot Touch 'n Go bernilai RM100

Terdapat tiga puluh [30] PIN Tambah Nilai eDompot Touch 'n Go bernilai RM100 setiap satu untuk dimenangi setiap Minggu selama lapan [8] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat dua ratus empat puluh [240] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaraian pendek pemenang Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan satu nombor siri unik kepada setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan sepanjang setiap Tempoh Minggu Promosi (masing-masing adalah "Penyertaan Layak Mingguan" dan secara kolektifnya, "Penyertaan Layak Mingguan"). Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak Minggu bermula dari nombor siri "1".

Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Mingguan akan dikumpulkan dan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak Mingguan ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"]. Sekiranya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan yang diterima sepanjang **Tempoh Promosi Mingguan adalah sebanyak 838**, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

$$838 \div *30 = \underline{27.9*}$$

Pemenang Hadiah Mingguan yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak Mingguan dengan nombor siri ke-27* dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 27. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 27*, 54*, 81*, 108*, 135*, 162*, 189*, 216*, 243* dan seterusnya.

Seramai **30 pemenang** akan dipilih setiap Tempoh Minggu Promosi.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

9. Pengumuman dan Notifikasi Pemenang:

Senarai pemenang akan diumumkan di laman web rasmi Penganjur di <https://www.dugro.com.my> serta di halaman media sosial rasmi Penganjur di <https://www.facebook.com/DumexDugro/> dan <https://www.instagram.com/dugromalaysia>.

Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur melalui WhatsApp daripada Nombor Rasmi Promosi **012-882 5573** bagi memaklumkan status kemenangan mereka. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana pemenang tidak dapat dihubungi.

10. Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran

- a. Semua Hadiah akan diproses untuk penyerahan kepada pemenang-pemenang dalam tempoh **enam (6) hingga lapan (8) minggu** selepas Promosi berakhir pada **30 September 2026**.
- b. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman atau tarikh notis tuntutan hadiah, yang mana lebih awal. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan kehilangan hak ke atas Hadiah.
- c. Penganjur berhak untuk melanjutkan mana-mana tempoh masa yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur tanpa sebarang pampasan kepada pemenang.
- d. Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur melalui WhatsApp dari Nombor Rasmi Promosi **012-882 5573** untuk memaklumkan status kemenangan mereka. Dan untuk mendapatkan maklumat penghantaran. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya mana-mana pemenang tidak dapat dihubungi.
- e. Semua pemenang mesti menyediakan butiran peribadi seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, dan alamat penghantaran bagi tujuan pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi tersebut akan menyebabkan pembatalan kelayakan dan pelucutan hadiah atas budi bicara mutlak Penganjur. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan atau menahan mana-mana Hadiah sekiranya butiran peribadi peserta atau pemenang didapati pada bila-bila masa tidak tepat atau salah.
- f. Semua pemenang Hadiah yang disenarai pendek akan ditentukan berdasarkan kaedah pemilihan yang dinyatakan dalam **Kaedah Pemilihan Dan Penyenaraian Pendek Pemenang**, Klausula 8. Peruntukan hadiah adalah muktamad, dan pemenang tidak berhak untuk memilih, menggantikan, atau menukar hadiah yang telah diperuntukkan kepada mereka.
- g. Hadiah akan diberikan secara rawak. Sebarang permintaan untuk warna atau rekaan tertentu tidak akan dilayan.
- h. Pemenang Hadiah Utama boleh mencalonkan seorang (1) kanak-kanak berumur antara 2 hingga 12 tahun untuk menyertai Kem Badminton, tertakluk kepada Borang Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga yang telah dilengkapi, ditandatangani dan dikembalikan kepada Penganjur sebelum penyertaan. Tarikh, masa dan lokasi Kem Badminton akan ditentukan oleh Penganjur dan akan dimaklumkan kepada pemenang Hadiah Utama semasa pemberitahuan kemenangan selepas pengumuman pemenang.

- i. **Pemenang Hadiah Mingguan (PIN Tambah Nilai e-Dompot Touch 'n Go bernilai RM100)** akan menerima hadiah mereka dalam bentuk **PIN Tambah Nilai e-Dompot Touch 'n Go (TNG)**. Semua hadiah PIN Tambah Nilai e-Dompot Touch 'n Go akan diproses dan dihantar kepada pemenang melalui WhatsApp daripada Nombor Rasmi Promosi **012-882 5573** ke nombor telefon pemenang yang telah diberikan semasa penghantaran Penyertaan Promosi. Penggunaan PIN Tambah Nilai e-Dompot Touch 'n Go adalah tertakluk kepada Terma & Syarat TNG Digital Sdn Bhd di <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>
- j. Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak-pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan hadiah
- k. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan terhadap Hadiah semasa atau selepas penghantaran atau pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan lain (contohnya, kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penebusan atau pengambilan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
- l. Penganjur tidak memberikan sebarang waranti atau representasi berkaitan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang isu, kerugian, kelewatan, atau akibat yang timbul daripada pentadbiran, operasi, terma atau syarat, penebusan, atau penggunaan Hadiah

11. Penebusan untuk Promosi Penebusan Premium Dugro® Iron Gemilang Cup – Cara Penyertaan:-

- (a) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan di sini, Bukti Pembelian yang dikemukakan bagi Promosi Dugro® “Kem Badminton Jadi Lebih Lagi Bersama Nur Izzuddin” juga boleh digunakan untuk penebusan item **Penebusan Premium Dugro® Iron Gemilang Cup**, dengan syarat bahawa:
 - I. Pembelian dibuat sepanjang Tempoh Promosi
 - II. Pembelian dibuat di Outlet Yang Mengambil Bahagian bagi Promosi Penebusan Premium Dugro® Iron Gemilang Cup;
 - III. Bukti Pembelian memenuhi syarat pembelian minimum serta semua kriteria kelayakan bagi kedua-dua promosi; dan
 - IV. Peserta mematuhi semua keperluan penebusan yang tertakluk bagi Promosi Penebusan Premium Dugro® Iron Gemilang Cup.
 - V. Peserta hendaklah mengemukakan Bukti Pembelian asal di mana-mana Outlet Yang Mengambil Bahagian untuk menebus Item Penebusan (senarai outlet yang mengambil bahagian boleh didapati di <https://www.dugro.com.my>).

- (b) Promosi Penebusan Premium Dugro® Iron Gemilang Cup adalah sah dari **1 Ogos 2026 hingga 30 September 2026** (“Tempoh Promosi”). Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja. Sebarang penyertaan lewat atau penyertaan yang menggunakan Bukti Pembelian bertarikh di luar Tempoh Promosi yang dinyatakan tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Promosi pada bila-bila masa dengan memberikan notis melalui <https://www.dugro.com.my> atau melalui apa-apa kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur.
- (c) Peserta yang layak dengan pembelian minimum RM50 produk Dugro® dalam satu (1) pembelian dan satu (1) resit akan berhak menebus **satu (1) unit Dugro® Iron Gemilang Cup (“Item Penebusan”)**.
- (d) Setiap satu (1) Peserta hanya berhak untuk menebus satu (1) Item Penebusan sahaja. Semua Item Penebusan adalah terhad kepada produk yang dibeli daripada **Outlet Yang Mengambil Bahagian** yang disenaraikan di <https://www.dugro.com.my> di Semenanjung Malaysia, Malaysia Timur & Brunei sahaja (**“Outlet Yang Mengambil Bahagian”**) sepanjang Tempoh Promosi. Semua Item Penebusan juga adalah tertakluk kepada ketersediaan stok / sementara stok masih ada.
12. Penganjur, semua rakan promosi serta pihak lain yang terlibat dalam Promosi ini, termasuk pengarah, pegawai dan ejen masing-masing tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara terhadap perkara-perkara berikut: (a) campur tangan oleh pihak yang tidak dibenarkan semasa Promosi; (b) sebarang kesilapan manusia serta kegagalan elektronik/teknikal dalam pengurusan Promosi dan pemprosesan penyertaan; (c) sebarang penyertaan yang hilang, rosak, tersalah hantar atau tidak diterima; (d) penamatan Promosi akibat arahan, garis panduan dan/atau perintah daripada pihak berkuasa yang berkaitan; dan (e) sebarang liabiliti (termasuk kematian) sama ada secara langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada penyertaan dalam Promosi ini serta penggunaan Item Penebusan dan/atau Hadiah Promosi.
13. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak akibat bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan perindustrian, wabak, pandemik, sekatan kerajaan atau apa-apa tindakan kerajaan yang lain, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau apa-apa kejadian lain yang di luar kawalan munasabah Penganjur.
14. Penganjur berhak sepenuhnya untuk menolak mana-mana penyertaan yang salah, tidak lengkap, tidak jelas, rosak, koyak, kotor, lewat atau mempunyai Bukti Pembelian yang tidak mencukupi.
15. Penganjur berhak sepenuhnya untuk mengubah, menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang melanggar Kod Etika Kementerian Kesihatan dalam Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

16. Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, untuk menyediakan item alternatif yang mempunyai nilai setara tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Sebarang representasi dan jaminan, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, nilai komersial atau kelayakan Item Penebusan dan/atau Hadiah Promosi adalah dikecualikan daripada tanggungjawab Penganjur. Walau bagaimanapun, Peserta tidak berhak untuk menukar hadiah Penebusan dan/atau Hadiah Promosi tersebut kepada wang tunai atau kepada mana-mana barangan lain.
17. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala risiko, liabiliti, kerosakan atau tuntutan yang timbul akibat penggunaan Barangan Penebusan atau penyertaan dalam Program. Semua kos yang ditanggung untuk menyertai Program adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
18. Dengan menyertai dan/atau menerima dan/atau menggunakan mana-mana Hadiah Penebusan dan/atau Hadiah Promosi, Peserta bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan Penganjur, semua rakan kongsi perniagaannya serta pihak-pihak lain yang terlibat dalam Promosi ini, termasuk pengarah, pegawai, pekerja dan ejennya masing-masing, daripada sebarang dan semua tuntutan, tindakan prosiding, penghakiman, ganti rugi atau kerugian yang timbul daripadanya.
19. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Peserta bersetuju untuk mengetepikan sebarang hak terhadap Penganjur dan/atau wakilnya, pekerja, ejen (termasuk pembekal dan pihak ketiga) berkaitan sebarang kerugian atau kerosakan akibat penggunaan hadiah Penebusan dan/atau Hadiah Promosi atau penyertaan dalam Promosi ini.
20. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, maklumat dan dokumen mereka untuk tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa sebarang bayaran atau pampasan, termasuk sebarang rakaman yang berkaitan dengan Promosi.
21. Pemprosesan Data Peribadi.
 - (a) Dengan menyertai Promosi ini, setiap Peserta bersetuju kepada pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan data peribadi yang diberikan oleh Peserta oleh Penganjur, yang merangkumi nama Peserta, kad pengenalan pendaftaran negara (NRIC), alamat, alamat e-mel, butiran hubungan, dan sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti Peserta (secara kolektif, "**Data Peribadi**") bagi tujuan yang berkaitan dengan Promosi ini seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini ("**Tujuan**").
 - (b) Penganjur boleh memindahkan Data Peribadi kepada pembekal perkhidmatan yang dilantik bagi tujuan mentadbir Promosi ini dan menghubungi Peserta, semata-mata untuk Promosi ini sahaja. Peserta mempunyai hak untuk mendapatkan akses, meminta pembetulan atau menarik balik persetujuan bagi pendedahan mana-mana Data Peribadi yang dipegang oleh Penganjur. Permintaan tersebut boleh dibuat melalui e-mel kepada Penganjur di mycareline@dugro.com.my. Untuk butiran lanjut mengenai notis privasi Penganjur di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Peserta boleh merujuk kepada <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html>.

- (c) Sila ambil perhatian bahawa adalah perlu bagi Penganjur untuk memproses Data Peribadi bagi Tujuan tersebut, tanpa mana Penganjur mungkin tidak dapat menerima dan/atau memproses penyertaan Peserta.
22. Penganjur berhak untuk meminda terma dan syarat ini tanpa sebarang notis awal. Penganjur juga berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan memaklumkan melalui laman web <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> atau melalui kaedah lain.
23. Penganjur berhak untuk meminda terma dan syarat ini tanpa sebarang notis awal. Penganjur juga berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan memaklumkan melalui laman web <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> atau melalui kaedah lain. Peserta tidak berhak menuntut sebarang pampasan.
24. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini akan digunakan.